

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG  
YIENG  
[LANANG ]**

**NO. SOALAN : 358**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) sama ada peruntukan dapat disediakan untuk membantu baik pulih atau bina baru rumah-rumah yang uzur di kawasan Sibu dan Lanang, Sarawak; dan
- (b) senaraikan jumlah permohonan yang diluluskan di kawasan Sibu dan Lanang mengikut pecahan kaum, umur dan jantina.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) Negeri Sarawak Tahun 2014, di kawasan Parlimen Sibu telah diperuntukkan RM660,000 bagi pelaksanaan 6 unit bina baru rumah dan 30 unit baik pulih rumah. Manakala bagi kawasan Parlimen Lanang pula telah diperuntukkan RM754,000 bagi pelaksanaan 11 unit bina baru rumah dan 17 unit baik pulih rumah.

Berdasarkan Garis Panduan Program Bantuan Rumah (PBR) Bilangan 1 Tahun 2012, pemohon yang layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan PBR ialah:

- (a) disahkan sebagai miskin tegar dan miskin serta berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih); atau
- (b) diperaku dan disahkan layak oleh Focus Group Pembasmian Kemiskinan Daerah (FGD);

- (c) disahkan tidak mempunyai rumah atau rumah yang sedia ada diperakui usang, daif atau tidak selamat untuk diduduki;
- (d) memiliki tanah sendiri atau mendapat kebenaran untuk membina atau membaik pulih bagi kes menumpang tanah milik orang lain dan tanah Kerajaan; dan
- (e) keutamaan diberikan kepada golongan miskin tegar dan miskin yang terdiri daripada:
  - (i) warga emas (lebih 65 tahun), uzur dan orang kurang upaya (OKU);
  - (ii) ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan ramai; dan
  - (iii) mangsa bencana alam seperti ribut taufan, banjir dan kebakaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek PBR adalah tidak mengira kaum. Bagi pecahan umur dan jantina mengikut jumlah permohonan PBR yang diluluskan pada tahun 2014 di kawasan Parlimen Sibu dan Lanang adalah seperti di Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Pecahan umur dan jantina permohonan  
PBR yang diluluskan bagi kawasan parlimen Sibu  
dan Lanang**

JANTINA UMUR	LANANG		SIBU	
	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN
24 hingga 40	3	1	1	4
41 hingga 60	11	3	11	8
61 hingga 81	8	2	6	6
<b>JUMLAH</b>	<b>22</b>	<b>6</b>	<b>18</b>	<b>18</b>